



**TEKS UCAPAN  
YBRS. DR. ROSLI BIN DARMAWAN  
KETUA PENGARAH  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN  
NUKLEAR MALAYSIA  
BAGI BULAN JUN  
BIL. 4 /2024**

**TARIKH:  
25 JUN 2024 (SELASA)**

**TEMPAT:  
DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI) & DALAM TALIAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

**YBRS. DR. MOHD. RODZI BIN ALI**

**Pengarah Bahagian Teknologi Perubatan**

Menjalankan tugas, **Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi** dan merangkap sebagai **Pengerusi Jawatankuasa Perhimpunan Bulanan Agensi Nuklear Malaysia Bil.4/2024**

**Pengarah-Pengarah Bahagian**

**Pengurus-Pengurus, Para penyelidik dan**

**warga Nuklear Malaysia yang dikasihi sekalian.**

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

**[PENDAHULUAN/PRAKATA]**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya dapat kita bertemu pada pagi yang penuh keberkatan ini dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Agensi Nuklear Malaysia. Semoga semua warga Nuklear berada dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa di bawah rahmat Allah SWT. Terima kasih kerana dapat meluangkan masa bersama-sama berhimpun pada pagi ini.
2. Dalam kita bersuka-ria dan telah menyambut Hari Raya Aidiladha pada 17 Jun 2024 yang lalu, jangan kita lupa kepada seluruh saudara kita di Palestin yang masih berjuang dan berjihad. Sama-sama kita titipkan doa agar Allah SWT sentiasa melindungi mereka daripada sebarang bentuk kekejaman. **"Dari sungai ke segara, Palestin pasti merdeka"**.
3. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kakitangan Nuklear Malaysia yang telah terpilih menjadi Tetamu Allah ke Baitullah pada tahun ini. Semoga semua jemaah haji kita dapat mengerjakan ibadat haji dengan sempurna dan kembalinya ke Tanah Air dengan Haji yang Mabruur, Insya-Allah.

Warga Nuklear yang dihormati,

4. Perhimpunan bulanan kali ini dianjurkan oleh Bahagian Teknologi Perubatan bertemakan KESIHATAN: KANSER BUAH PINGGANG bersempena dengan hari Kanser Buah Pinggang Sedunia yang disambut pada 20 Jun pada setiap tahun.

5. Tema **KESIHATAN** yang diketengahkan oleh Bahagian Teknologi Perubatan (BTP) untuk perhimpunan pagi pada kali ini ringkas tetapi penuh bermakna. Diharap ia dapat meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan.
6. Kesihatan bukan bermaksud sekadar tiada penyakit. Ia turut merangkumi kesejahteraan fizikal, mental dan sosial. Oleh itu, kita perlu memupuk amalan penjagaan kesihatan berlandaskan pencegahan, serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan mendapat rawatan perubatan awal.
7. Antara amalan yang boleh kita lakukan untuk menjaga kesihatan yang paling mudah tapi sukar untuk kita laksanakan adalah dengan berjalan kaki 10,000 langkah setiap hari. Amalan ini dapat mengurangkan risiko penyakit kronik seperti penyakit jantung, tekanan darah tinggi, obesiti dan diabetes.
8. Selain itu, senaman secara rutin juga perlu dilakukan agar sistem tubuh badan dapat berfungsi dengan efisien.
9. Penganjuran aktiviti sihat seperti riadah dan sukan turut dianjurkan oleh Kelab Sukan Nuklear Malaysia. Sementara itu, inisiatif bahagian dengan menganjurkan aktiviti riadah di bahagian masing-masing adalah digalakkan. Teruskan usaha untuk mengamalkan gaya hidup sihat.
10. Saya menyeru warga kerja Nuklear Malaysia untuk cakna status kesihatan bagi mencapai tahap kesihatan yang maksimum. Marilah kita berusaha untuk kekal cergas dan sihat, bukan hanya untuk diri sendiri tetapi untuk keluarga kita.

11. Saya difahamkan, pada hari ini BTP turut menjemput pegawai perubatan dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat untuk memberi ceramah kesihatan dan juga menyediakan pemeriksaan kesihatan secara percuma di luar dewan. Bagi yang berkelapangan rebutlah peluang ini.

### **[HARI KANSER BUAH PINGGANG SEDUNIA]**

12. Untuk pengetahuan kita semua, 20 Jun setiap tahun merupakan Hari Kanser Buah Pinggang Sedunia.
13. Kanser buah pinggang bukanlah kanser lazim di negara ini. Namun kita perlu mengambil tahu simptom-simptom yang berkaitan. Seperti kanser lain, kanser buah pinggang boleh dirawat apabila dikesan di peringkat lebih awal. Akan tetapi, tiada ujian saringan yang disyorkan untuk mengesan kanser buah pinggang di peringkat awal bagi orang yang tidak berisiko.
14. BTP terus komited melaksanakan penyelidikan dalam pembangunan dan pengeluaran kit radiofarmaseutikal yang berfungsi untuk mengesan pelbagai jenis penyakit. Peruntukan RMK12 telah digunakan bagi proses naik taraf kemudahan pengeluaran kit radiofarmaseutikal di Blok 23.
15. Antara kit yang dihasilkan adalah kit **DMSA** dan kit **DTPA** yang digunakan untuk pengimejan buah pinggang. Selain itu, kit **EDTMP** untuk paliatif kanser tulang dan kit Tetrofosmin untuk pengimejan jantung turut juga dihasilkan. Besar harapan saya agar produk-produk perubatan Nuklear dapat dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia.

16. Marilah kita sama-sama mengamalkan gaya hidup sihat.  
**Jom cegah sebelum terlambat.**

## **[DASAR TEKNOLOGI NUKLEAR NEGARA 2030 / SIKLOTRON]**

### **Warga Nuklear Malaysia yang dihormati sekalian,**

17. Bagi menyokong DTNN dalam sektor perubatan dan penjagaan kesihatan, pembangunan hab pengeluaran berpusat radioisotop dan radiofarmaseutikal dicadangkan diwujudkan di Malaysia
18. Tahun lepas, Nuklear Malaysia telah selesai menjalankan kajian kebolehlaksanaan pembangunan siklotron berkapasiti 30 MeV. Manakala kajian kebolehlaksanaan Reaktor Pelbagai Guna berkapasiti 20 MW sedang dijalankan dan dijangka siap pada tahun 2025. Kedua-dua kemudahan ini mampu menghasilkan pelbagai radioisotop yang boleh menyokong penubuhan satu hab pengeluaran radioisotop berpusat di Malaysia.
19. Amat besar harapan saya agar penubuhan hab pengeluaran radioisotop berpusat dapat:-
- i. memberi impak yang signifikan dalam memastikan keterjaminan akses rawatan pesakit kanser di negara ini.
  - ii. meningkatkan tahap perubatan negara, memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan industri kesihatan serta penyelidikan dalam industri perubatan nuklear
  - iii. membuka peluang Malaysia untuk mempelopori industri perubatan nuklear di rantau ini.
  - iv. merangsang pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan reputasi Malaysia sebagai pusat kesihatan yang unggul di rantau ASEAN.

20. Sehubungan dengan itu, saya menyeru semua warga Nuklear Malaysia agar bersama-sama menggembeng tenaga, bekerjasama dalam satu pasukan untuk memastikan segala strategi, langkah dasar dan program yang telah digariskan dalam DTNN dapat dilaksanakan dengan jayanya selepas ini agar teknologi nuklear boleh dimanfaatkan oleh rakyat.
21. Bagi memastikan kejayaan DTNN, projek penyelidikan di Nuklear Malaysia juga perlu seiring dengan dasar yang telah digariskan. Komponen projek penyelidikan perlu membudayakan penyelidikan yang juga boleh memberi manfaat terus kepada para penyelidik di Nuklear Malaysia. Kerjasama projek penyelidikan dan pembangunan diantara BTP dan Pusat Teknologi Maklumat BST telah berjaya menghasilkan satu sistem iaitu Sistem Maklumat Makmal Mikrobiologi (MBiotest).
22. Saya dimaklumkan bahawa kejayaan kerjasama penyelidikan ini telah berjaya meningkatkan perkhidmatan pengujian di Makmal Mikrobiologi di BTP dan pada hari ini kita akan saksikan pelancarannya. Besarlah harapan saya sekiranya penyelidikan sebegini boleh diperluaskan dan dimanfaatkan oleh seluruh warga Nuklear Malaysia.

### **[PEGAWAI BAHARU/PERTUKARAN/BERSARA]**

Warga Nuklear Malaysia sekalian,

23. Marilah kita sama-sama mengalu-alukan kedatangan pegawai dan kakitangan baharu yang akan memulakan perkhidmatan di Agensi ini. Selamat bertugas dan saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri, mencurahkan khidmat bakti dan

tenaga bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik, berkualiti dan berintegriti demi negara.

24. Sebagaimana paparan montaj sebentar tadi, terdapat beberapa orang warga kerja yang telah bertukar keluar daripada Nuklear Malaysia. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan selama ini. Selamat maju jaya di tempat baharu dan teruskan kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan.
25. Yang datang pasti ada yang pergi. Khususnya kepada warga yang bersara, jasa bakti dan pengorbanan yang dicurahkan dalam perkhidmatan amatlah tinggi nilainya dan semoga Allah SWT memberikan ganjaran yang terbaik. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan.

### **[PENUTUP]**

26. Akhir kata, izinkan saya menyampaikan pesanan buat seluruh warga Nuklear Malaysia untuk sama-sama kita hayati dan mengambil serius terhadap penjagaan KESIHATAN.
27. Terima kasih diucapkan kepada penganjur majlis pada hari ini, Bahagian Teknologi Perubatan (BTP) dengan kerjasama warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat, secara langsung mahupun tidak langsung atas komitmen yang telah diberikan.

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahitaufik Walhidayah.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**